

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebarang perancangan untuk menaikkan gaji minimum bagi meningkatkan tahap gaji pekerja di Malaysia yang telah mendatar sejak beberapa tahun lalu agar selari dengan peningkatan kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada sesi Jun/Julai 2011 dan dikuatkuasakan pada 23 September 2011. Susulan daripada itu, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), suatu badan konsultasi tripartite, ditubuhkan pada 28 September 2011.

MPGN bertanggungjawab untuk menjalankan kajian tentang semua perkara yang berhubungan dengan gaji minimum dan membuat syor kepada Kerajaan tentang kadar dan liputan gaji minimum mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah, dan perkara-perkaraa lain yang berhubungan dengan gaji minimum dan gaji.

Perintah gaji minimum (PGM) mula dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2012 dan sehingga kini, telah dipinda sebanyak tiga (3) kali seperti berikut:

- i. **PGM 2012** : berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013
Kadar : **RM900/bulan** (Semenanjung Malaysia),
RM800/bulan (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan)
- ii. **PGM 2016** : berkuat kuasa mula 1 Julai 2016
Kadar : **RM1,000/bulan** (Semenanjung Malaysia),
RM920/bulan (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan)
- iii. **PGM 2018** : berkuat kuasa mula 1 Januari 2019
Kadar : **RM1,100/bulan** (seragam seluruh negara)
- iv. **PGM 2020** : berkuat kuasa mula 1 Februari 2020
Kadar : **RM1,200/bulan** (bandar-bandar utama di bawah kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran seperti dinyatakan dalam Jadual kepada PGM 2020) dan **RM1,100/bulan** (kawasan-kawasan selain Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran)

SOALAN NO: 42

MPGN melalui Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) sedang menjalankan kajian semula terhadap PGM 2020. Kajian impak pelaksanaan gaji minimum secara berkala ini selaras dengan seksyen 25(1), Akta 732 yang memperuntukkan kajian terhadap perintah gaji minimum perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun.

Pengumpulan maklumat-maklumat dan data sekunder perlu dikaji untuk mendapatkan indikator sosio-ekonomi semasa. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan penengah gaji merupakan indikator utama yang digunakan untuk penetapan gaji minimum baharu. Di samping PGK dan penengah gaji, JTPGN juga mengambil kira indikator-indikator sosio-ekonomi yang lain seperti kadar pengangguran bagi memastikan kadar gaji minimum tidak menjejaskan pasaran buruh.

Produktiviti buruh turut diteliti dalam kajian semula bagi memastikan kenaikan gaji minimum selaras dengan peningkatan produktiviti. Selain itu, kajian juga mengambilkira dan meneliti perubahan indeks harga pengguna sebagai indikator penting yang mencerminkan perubahan kos sara hidup.

Selepas meneliti indikator-indikator yang telah digariskan, JTPGN akan membuat syor yang sewajarnya untuk dipertimbangkan oleh MPGN sebelum diangkat kepada Kerajaan untuk keputusan. Pertimbangan Kerajaan dalam penetapan kadar gaji minimum dibuat berdasarkan *balanced approach*, iaitu mengambilkira pandangan pelbagai pihak sama ada pekerja, majikan dan Kerajaan. Keutamaan Kerajaan adalah menjamin kestabilan ekonomi negara dengan menjaga kepentingan semua pihak termasuk majikan dan pekerja.

Negara sedang dalam fasa pemulihan ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, kenaikan kadar gaji minimum perlu dilaksanakan secara berperingkat dengan nilai yang munasabah bagi memastikan pihak majikan mampu melaksanakan kadar gaji minimum yang baharu dan pekerja dapat mengekalkan pekerjaan.

Selain itu, peningkatan kadar gaji minimum yang terlalu tinggi dan drastik boleh membebankan Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS) membayar gaji pekerja, menjejaskan daya saing negara, menyebabkan pasaran buruh negara akan berdepan dengan cabaran untuk mencipta pekerjaan baharu yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.